



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/7/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## 'Hanya pasir sungai saja boleh dieksport'

**Kuala Lumpur:** "Hanya pasir sungai saja boleh dieksport dan itu pun perlu mendapatkan kelulusan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad," kata Menteri Air, Tanah dan Sumber Dr A Xavier Jayakumar.

Beliau berkata, kerajaan mengharamkan pasir laut dieksport termasuk ke Singapura kerana pasir laut hanya untuk kegunaan domestik.

"Ada empat syarikat diberi lesen mengeksport pasir sungai dengan kapasiti kurang daripada dua juta tan.

"Apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih negara pada Mei tahun lalu, kita putus pasir laut tidak di-

eksport ke mana-mana negara," katanya kepada media di lobi Parlimen, semalam.

Menurutnya, pasir laut tidak dieksport kerana perolehan pendapatannya sangat kecil dan hasilnya perlu diserahkan kepada kerajaan negeri.

Katanya, pendapatan kerajaan Persekutuan hanya melalui cukai ke atas syarikat yang menjalankan aktiviti perlombongan.

"Selain itu, hasil kajian mendapati aktiviti mengorek pasir hanya boleh dilakukan dalam jarak tiga kilometer di luar pesisir pantai supaya tidak menjejaskan alam sekitar," katanya.